

Headline	200 periuk nasi dilupuskan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	34	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	53 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,080
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,240



Putrajaya

200 periuk nasi dilupuskan

Sebanyak 200 periuk elektrik dengan anggaran nilai pasaran RM80,000 dilupuskan selepas gagal mematuhi beberapa syarat ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik ST Mohd Elmi Anas berkata, pelupusan itu dibuat selepas periuk nasi berkenaan gagal ujian konsainmen yang ditetapkan ST ketika membuat permohonan Perakuan Kelulusan.

Katanya, periuk nasi berkenaan dibawa masuk ke negara ini dari China melalui Pelabuhan Klang, Selangor.

“Semua pengimport kelengkapan elektrik perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan dan mematuhi syarat ditetapkan terlebih dahulu sebelum membawa masuk sebarang kelengkapan ke negara ini,” katanya.